

**DRAF TEKS UCAPAN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

MAJLIS ANUGERAH AKADEMIK (AAU) UTeM

*Selasa, 2 November 2010, 8.00 malam
Renaissance Hotel, Melaka*

1

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Berhormat Datuk Wira Omar bin Kaseh,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka merangkap
ahli Lembaga Pengarah, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Yang Berhormat Datuk Ir. Hj. Idris bin Haron,
ahli Parlimen Tangga Batu merangkap
ahli Lembaga Pengarah, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UTeM

Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Mohd Kadim bin Suaidi
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTeM

2

Pegawai-pegawai kanan, Timbalan-timbalan Dekan, Ketua-ketua jabatan, pensyarah-pensyarah, calon-calon penerima Anugerah, pihak media seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum wr. wbrkth. & Salam Sejahtera

Kata Aluan

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana telah diberi-Nya kesempatan kepada kita semua pada malam ini untuk turut serta dalam Majlis Anugerah Akademik UTeM yang julung-julung kali diadakan.

Bagi pihak Universiti, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis

3

Anugerah Akademik, khususnya Jawatankuasa Penilai Anugerah Akademik UTeM serta pihak Urus Setia dan Jawatankuasa Pelaksana Majlis Anugerah Akademik Universiti (2009) yang bertungkus-lumus memastikan perjalanan majlis penganugerahan ini lancar sepertimana yang dirancang dan dihasratkan oleh pihak Universiti.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah yang akan diumumkan sebentar lagi. Semoga anugerah yang diterima pada malam ini, akan meningkatkan lagi motivasi diri dan semua yang ada di sini untuk terus cemerlang, gemilang, dan terbilang dalam bidang ilmiah pada masa akan datang.

4

Para Hadirin Sekalian,

Anugerah Akademik UTeM pada hari ini diambil inspirasinya daripada Anugerah Akademik Negara (AAN) yang diperkenalkan pada 2006. Ia adalah pengiktirafan tertinggi dan berprestij di peringkat Universiti bagi menghargai sumbangan dan pencapaian staf akademik yang cemerlang dalam bidang pengajaran, penyelidikan, penerbitan, inovasi serta pengkomersilan serta sumbangan kepada universiti.

Anugerah Akademik Universiti dibahagikan kepada 7 kategori iaitu Anugerah Tokoh Akademik UTeM, Anugerah Pengajaran, Anugerah Penerbitan Buku, Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk, Anugerah Penerbitan Jurnal, Anugerah Penyelidikan dan Anugerah Khas. Di antara 7 kategori tersebut, Anugerah Tokoh akademik

5

adalah anugerah yang tertinggi dan dianugerahkan kepada warga universiti yang benar-benar telah menunjukkan ketokohan sebagai ilmuwan dan mengharumkan nama universiti kita di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Setiap pemenang dan calon yang telah memasuki saringan akhir di peringkat universiti akan menerima insentif mengikut jumlah yang telah diperuntukkan. Namun, ingin saya tekankan di sini, bukanlah nilai anugerah yang diukur, tetapi sejauh mana komitmen dan sumbangan yang diberikan oleh warga akademik UTeM dalam membantu mengembangkan bidang pendidikan di universiti ini juga meningkatkan reputasi universiti kita di peringkat nasional dan antarabangsa.

6

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Saya yakin penerima anugerah bagi setiap kategori yang akan diumumkan pada malam ini, adalah mereka yang telah menyumbang dan menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang kepakaran masing-masing. Jawatankuasa Penilai, sama ada di peringkat fakulti, mahupun di peringkat Universiti, sudah mengambil kira pelbagai aspek semasa membuat penilaian dan bertindak secara rasional dalam proses pemilihan supaya pemenang-pemenang pada malam ini adalah terdiri daripada mereka yang benar-benar terbaik daripada kalangan yang terbaik.

Sesuai dengan pengisytiharan Melaka sebagai negeri maju pada 20 Oktober 2010, saya berharap kalangan pensyarah akademik sekalian dapat mentransformasikan pengisytiharan itu dari aspek

7

akademik, terutama dalam usaha menjadikan UTeM sebagai salah satu koridor ilmu yang unggul di negeri ini. Ilmu pengetahuan dan kepakaran yang dimiliki oleh ahli akademik juga adalah aset berharga yang boleh disumbangkan untuk membantu merealisasikan hasrat Melaka menjadi Bandar Teknologi Hijau dalam pelbagai aspek yang berkaitan.

Jika kita imbas kembali, pencapaian akademik dan penyelidikan warga UTeM dalam pelbagai pertandingan reka cipta dan inovasi sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa adalah amat membanggakan. Kita telah berjaya merangkul pingat –pingat dari pelbagai kategori yang dipertandingkan. Kejayaan ini telah mengharumkan nama Universiti, sekali gus meletakkan nama UTeM sebaris dengan universiti lain yang sudah lama tersohor. Pencapaian ini seharusnya menjadi keyakinan kepada kita untuk

8

mengorak langkah dengan lebih tersusun dalam usaha menyumbang kepakaran kepada masyarakat di peringkat negeri, negara dan juga antarabangsa.

Hadirin hadirat sekalian,

Dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, Universiti telah mengadaptasi pendekatan pengajaran yang berkonsepkan “Student Centered Learning” yang menyaksikan peranan pensyarah lebih kepada fasilitator. Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome Based Education, OBE*), *Problem Based Learning (PBL)*, *Cooperative Learning* adalah di antara pedagogi yang diguna pakai untuk mentransformasikan pelajar kepada graduan yang cemerlang secara keseluruhannya.

9

Di pihak Universiti, kepentingan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan berkesan sentiasa menjadi keutamaan dalam perancangan pihak pengurusan Universiti. Ini dapat dilihat dengan peluang-peluang latihan yang sentiasa di sediakan seiring dengan perancangan yang telah digariskan. Pada masa ini, pendidikan berasaskan hasil (OBE) telah pun dilaksanakan di kesemua fakulti kejuruteraan. Universiti telah merancang untuk melaksana 100% OBE pada tahun hadapan (2011), ini bermaksud pendekatan yang sama akan diguna pakai oleh Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dan Fakulti Teknologi Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT).

Perkembangan kaedah pedagogi seiring dengan tuntutan ciri-ciri graduan yang cemerlang (dari aspek ilmu pengetahuan, kemahiran

10

insaniah juga sahsiah mereka) menuntut ahli akademik untuk lebih mempersiapkan diri dengan kaedah-kaedah pengajaran yang terkini dan lebih berkesan. Ini sentiasa menjadi cabaran untuk setiap warga akademik dalam melaksanakan tanggungjawab hakiki kita; yang kadang-kala selalu dianggap tugas biasa, tetapi hakikatnya menuntut usaha yang “luar biasa”.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Di samping menjalankan tugas pengajaran, ramai pensyarah di Universiti juga telah menghasilkan penyelidikan yang signifikan yang mana hasilnya telah berjaya diterbitkan dalam beberapa jurnal yang mempunyai faktor impak yang tinggi dan produk penyelidikan itu juga berjaya dikomersialkan. Ini termasuk juga melahirkan pelajar pascasiswazah dan penyelidikan yang

11

cemerlang. Usaha ini harus mempunyai kesinambungan yang lebih cemerlang, bilangan penerbitan jurnal yang berimpak faktor tinggi hasil kerja-kerja penyelidikan di UTeM perlu dipertambah bilangannya, peranan penyelidik ketika menghadiri seminar juga perlu dipertingkatkan daripada sekadar menghadiri atau membentangkan kertas kerja kepada pemberi ucap utama. Saya percaya ini adalah pencapaian cemerlang bagi seorang penyelidik juga sumbangan yang relevan kepada perkembangan ilmu secara keseluruhannya.

Kita amat berbangga dengan hasil penyelidikan oleh staf akademik yang mendapat pengiktirafan daripada pihak luar, antaranya Malaysia Technology Expo 2009; 20th International Invention, Innovation, Industrial Design and Technology Exhibition 2009 (ITEX); Pameran Persidangan & Ekspo Ciptaan Institut

12

Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA); International Trade Fair Ideas-Inventions-New Products (IENA) dan Brussels Innova. Ini seharusnya menjadi inspirasi untuk semua ahli akademik mempertingkatkan pencapaian hasil penyelidikan.

Sebagai sebuah universiti teknikal yang berlokasi di negeri maju kita seharusnya mempertingkatkan inisiatif untuk menjalankan kerja penyelidikan dan inovasi yang relevan kepada keperluan masyarakat sekeliling dengan jalinan kerjasama dengan pihak industri. Pelaksanaan kerja-kerja penyelidikan dan inovasi yang sebegini adalah lebih dinamik dan bersifat “multidisciplinary” yang merentasi fakulti. Ini adalah suatu langkah terkehadapan yang perlu sama-sama kita laksanakan sekarang. Seajar dengan perancangan ini universiti telahpun menubuhkan dua pusat kecemerlangan iatu “Advanced Manufacturing Centre (AMC)” dan

13

“Centre for Telecommunication Research and Innovation (CeTRI)” bagi menyolng bidang tujahan Teknologi Pembuatan Termaju. Usaha ini amat relevan kepada hasrat kita untuk meyumbang kepada kemajuan dan keperluan masyarakat setempat, kebangsaan dan antarabangsa.

Tuan-tuan yang dihormati sekalian,

Peribahasa Melayu ada menyebut **yang kurik itu kendi, yang merah itu saga; yang cantik itu budi, yang indah itu bahasa.** Bagaimanapun, ada kalanya **yang pipih tidak datang melayang, yang bulat tidak datang bergolek.** Maksudnya di sini, sesuatu kejayaan itu memang manis untuk di kecapi, tetapi kejayaan tidak datang begitu saja tanpa sebarang usaha. Justeru, saya yakin UTeM melalui pelbagai fakulti sedia ada, termasuk beberapa Pusat,

14

boleh menempa kejayaan di peringkat antarabangsa. Dengan pelbagai peralatan serta kemudahan sedia ada, ditambah dengan tenaga pensyarah yang sentiasa komited, adalah tidak mustahil untuk UTeM terus melakar kejayaan, khususnya dalam penyelidikan dan inovasi.

Bidang kejuruteraan, jika digembleng dengan sains sosial, ataupun disebut sebagai *multi discipline* juga berkemampuan menghasilkan penyelidikan yang berkualiti. Sama ada kita sedar ataupun tidak, beberapa tokoh Islam terkenal seperti Al-Farabi, Ibn Sina, dan Ibn Khaldun, mereka semuanya berasal dari sains sosial, iaitu bermula dengan mempelajari pelbagai kitab agama. Hanya selepas mereka mengadaptasikan pengetahuan agama dengan beberapa penyelidikan, barulah tercetus beberapa bidang baru, seperti ilmu perubatan, bidang matematik, dan ilmu falak.

15

Sidang hadirin sekalian,

Saya sebenarnya tidak berhajat bercakap panjang pada malam ini. Ini adalah kerana kemuncak majlis pada malam ini ialah penyampaian anugerah kepada pemenang-pemenang. Saya percaya tuan-tuan semua sudah tidak sabar untuk mengetahui siapakah pemenang bagi setiap kategori yang dipertandingkan.

Sesungguhnya, mereka yang menang, tidak menang semua dan yang kalah, tidak kalah semuanya. Bagi saya, kejayaan menempatkan diri dalam peringkat terakhir, sudah dianggap satu kejayaan yang boleh kita banggakan. Kemenangan yang dicapai pula anggaplah satu bonus untuk lebih memotivasikan diri pada masa depan.

16

**Teruna kacak gadis rupawan, Di atas pelamin duduk bersanding
Semoga berjaya saya ucapkan, Menang dan kalah adat bertanding**

**Anugerah Akademik nama diberi, Tujuh anugerah jadi rebutan
Jikalau tewas di malam ini, Cubalah lagi di masa hadapan**

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terbabit, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, di atas dedikasi dan kesungguhan tuan-tuan bagi menjayakan majlis Anugerah Akademik UTeM. Saya juga menaruh harapan semoga kita semua akan dapat meningkatkan lagi usaha masing-masing demi memartabatkan lagi bidang pengajian tinggi negara.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih.